



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR  
Malaysia France Institute**

---

**FINAL EXAMINATION  
JANUARY 2014 SESSION**

---

**SUBJECT CODE** : MPW 2113  
**SUBJECT TITLE** : BAHASA KEBANGSAAN A  
**LEVEL** : BACHELOR  
**TIME / DURATION** : 9.00 am – 12.00 noon  
( 3 HOURS )  
**DATE** : 05 MAY 2014

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Please read the instructions given in the question paper **CAREFULLY**.
  2. This question paper is printed on both sides of the paper.
  3. Please write your answers on the answer booklet provided.
  4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
  5. This question paper consists of **THREE (3)** sections. Section A, B and C. Answer all questions in Section A and B. For Section C, answer one (1) question only.
  6. Answer all questions in Bahasa Melayu.
- 

**THERE ARE 10 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.**

---

Karya-karya sastera Inggeris diperkenalkan kepada pelajar negara ini sejak 1940-an atau lebih awal dari tarikh itu, sama ada di sekolah misionari, sekolah Inggeris, dan malah sekolah Melayu (melalui terjemahan).

Demikianlah kita dihidangkan dengan *The Canterbury Tales* oleh Chaucer, drama-drama Shakespeare, *Gullivers Travels* oleh Swift, novel-novel karya Defoe, Richardson, Jane Austin, DH Lawrence dan sebagainya. Perkenalan terhadap sastera Inggeris saja sudah melupakan kita akan hakikat wujudnya karya besar di sekeliling England seperti di Perancis, Jerman dan lain-lain lagi.

Kendala menguasai bahasa asing selain Inggeris mengakibatkan kita agak terlewat mengikuti karya-karya besar dari negara lain kerana kita harus mencari versi terjemahan Inggerisnya. Lebih lewat lagi apabila kita harus menunggu pula versi bahasa Melayu yang diterjemahkan daripada versi bahasa Inggeris daripada bahasa asalnya! Inilah situasi yang menyebabkan karya pengarang Perancis dan Jerman tiba lewat kepada kita.

Di Perancis umpamanya, karya besar muncul daripada penulis seperti Rabelais (*Gargantua dan Pantagruel*), Victor Hugo (*Les Miserables*), dan Flaubert (*Madame Bovary*). Di Jerman karya-karya sastera yang menarik antara lain sudah dihasilkan oleh Thomas Mann, Hermen Hesse, Franz Kafka, Gunter Grass serta Goethe dengan drama besarnya, *Faust*.

### **Tunggu 240 tahun**

Apabila baru-baru ini Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) melancarkan *Faust* dalam bahasa Melayu, kita sebenarnya menunggu karya agung ini selama kira-kira 240 tahun sejak kali pertama diterbitkan di Jerman. Ini bukan saja akibat perhatian kita yang selama ini lebih berfokus kepada sastera Inggeris, tetapi juga masalah menemukan penterjemah yang cukup berwibawa, yang mendalami nuansa bahasa Jerman dan bahasa Melayu dengan baik.

Selain menunggu kira-kira 240 tahun, kita juga sebenarnya menunggu seorang Latiff Mohidin untuk dapat menterjemahkan *Faust* ke dalam bahasa Melayu. Latiff terdidik selama empat tahun di Academy of Fine Arts, Berlin. Beliau menguasai bahasa Jerman dengan baik. Beliau juga seorang penyair Melayu berbakat besar yang menghasilkan beberapa kumpulan puisi seperti *Sungai Mekong*, *Kembara Malam*, *Wayang Pak Dalang*, *Pesisir Waktu* dan sebagainya.

2. Sila baiki ayat-ayat berikut.
- A. Dia menjelaskan yang kemalangan itu berpunca daripada kerosakan brek.
  - B. Mereka bersedia untuk ke Lahad Datu demi untuk mempertahankan negara.
  - C. Adalah diharapkan majlis yang dirancang ini akan berjalan dengan baik.
  - D. Encik Ivan adalah seorang pengetua sebuah sekolah di Lahad Datu.
  - E. Tiang rumah yang sudah berusia hampir tiga ratus tahun itu diperbuat dari kayu Cengal Batu.

(5 markah)

3. Sila tukarkan ayat-ayat transitif aktif berikut kepada ayat-ayat transitif pasif atau sebaliknya.

- A. Mereka sedang mencari lokan di pantai.
- B. Maimunah sibuk menjahit baju adik-adiknya.
- C. Sudah hampir seminggu sampah tidak dipungut oleh Majlis Perbandaran.
- D. Kebun buah-buahan itu saya usahakan setiap hujung minggu.
- E. Ibu merahsiakan kejadian itu daripada ayah.
- F. Pasukan keselamatan masih mengepung pengganas yang bersembunyi di dalam kampung berkenaan.
- G. Perompak itu kena tangkap ketika keluar dari pintu belakang.
- H. Kelas itu dikendalikan oleh puan Rosnah.
- I. Pak Ngah mendirikan sebuah pondok di dusunnya.
- J. Zubir berjaya menangkap ayam yang terlepas.

(10 markah)

4. Sila isikan kata sendi atau kata bantu yang sesuai bagi ayat-ayat berikut.


- A. Aminah \_\_\_ datang ke sini beberapa kali.
- B. Sehingga hari ini dia \_\_\_ menjelaskan hutang-hutangnya.
- C. Rantai yang dipakainya itu diperbuat \_\_\_ emas putih.
- D. Pemuda itu berasal \_\_\_ tanah seberang.
- E. Sejak kemalangan itu bapanya \_\_\_ sedar lagi.
- F. Awak \_\_\_ bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan.
- G. Emak dan ayah \_\_\_ ke Johor Bharu minggu akan datang.
- H. Kawan karibnyalah yang melemparkan tuduhan itu \_\_\_nya.

**BAHAGIAN B (Jumlah: 20 markah)**

**ARAHAN: Jawab soalan berikut:**

**Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

Berdasarkan gambar-gambar berikut, tuliskan sebuah ulasan mengenai nasib rakyat Palastin yang dizalimi. Panjangnya ulasan hendaklah tidak kurang daripada 150 patah perkataan dan tidak lebih daripada 200 patah perkataan.





**Soalan 1**

Kesibukan para remaja dalam dunia maya sama ada kerana melayari laman-laman sosial atau menonton video atau asyik dengan permainan-permainan maya telah menyebabkan mereka kurang beriadah dan bersenam.

Bincangkan.

(40 markah)

**Soalan 2**

Kesibukan hari ini boleh menyebabkan kurangnya perhatian anak-anak terhadap ibu bapa mereka yang sudah lanjut usia.

Bincangkan bagaimana penjagaan ibu bapa yang lanjut usia boleh dikekalkan menjadi budaya murni dalam masyarakat kita hari ini.

(40 markah)

**Soalan 3**

Mengumpul ..... suatu hobi yang mengasyikkan. (pelajar boleh memilih apa sahaja barangan yang dikumpul sebagai suatu hobi.)

(40 markah)

**Soalan 4**

"Ramli terperanjat besar melihat pintu rumahnya terbuka luas. Seingat-ingatnya belum pernah dia terlupa menutup dan mengunci rumahnya sebelum pergi kerja. Setibanya dia di muka pintu dia melihat ruang tamu rumahnya berselerak. Dia cemas. Pasti ada kejadian yang tidak diingini telah berlaku. ...."

Sila selesaikan cereka tersebut mengikut kreativiti anda.

(40 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**